

# Indeks pendidikan negara meningkat

B.H 20/12/08 M/S 15

## EDI Malaysia naik tangga 45: Hishammuddin

**K**UALA LUMPUR: Kedudukan Malaysia dalam Indeks Pembangunan Pendidikan Untuk Semua (EDI) meningkat ke tangga 45 daripada 129 negara yang terbabit dalam kaji selidik Laporan Pemantauan Global (GMR) 2009 berbanding kedudukan 56 yang dicapai pada GMR tahun ini.

Pencapaian itu bermakna Malaysia, antara penyokong kuat Agenda Untuk Semua (EFA), berjaya melonjakkan kedudukannya dari aras sederhana pada EDI GMR 2008 (0.945) kepada aras tinggi EDI GMR 2009 (0.965).

Peningkatan 0.02 skor EDI itu adalah berdasarkan peningkatan skor empat matlamat yang dinilai iaitu kadar net enrolmen sekolah, kadar literasi dewasa, Indeks Kesamarataan Gender dan kadar murid yang me-

namatkan persekolahan ke tahun 5, kata Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dalam kenyataan di sini, semalam.

Bagi kadar net enrolmen sekolah rendah, ia meningkat daripada 0.954 kepada 0.999, kadar literasi dewasa meningkat daripada 0.904 kepada 0.915, indeks kesamarataan gender meningkat dari 0.938 kepada 0.952 dan kadar murid yang menamatkan persekolahan ke tahun 5 meningkat dari 0.984 kepada 0.993.

Laporan tahunan GMR itu adalah mekanisme untuk memantau kemajuan negara anggota Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (Unesco) mencapai matlamat EFA menjelang 2015.

Amerika Syarikat, Australia, Singapura, Thailand dan Vietnam tidak termasuk da-

lam kaji selidik GMR 2009.

GMR 2009 menempatkan Kazakhstan di tempat pertama, diikuti Jepun, Jerman, Norway dan United Kingdom.

Laporan GMR 2009 itu dibentangkan kepada anggota Mesyuarat Peringkat Tertinggi Pendidikan Untuk Semua mengenai EFA yang bersidang di Oslo, Norway pada 17 Disember lalu.

Hishammuddin mewakili Malaysia ke mesyuarat itu yang berlangsung dari 16 Disember hingga 18 Disember lalu. Beliau adalah Anggota Lembaga Eksekutif Unesco, hadir ke mesyuarat itu atas undangan Ketua Pengarah Unesco Koichiro Matsuura.

Di kalangan negara Komanwel, Malaysia mengatasi 15 daripada 20 negara anggota Komanwel yang menyertai kaji selidik GMR 2009. - Bernama